

PRAKATA



Y.BHG. ESA BIN HAJI AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas adalah satu pelan tindakan jangka masa panjang bagi pembangunan landskap jajahan Pasir Mas agar lebih efektif dan terancang selaras dengan matlamat, objektif dan skop kajian. Strategi pembangunan landskap jajahan Pasir Mas dalam tempoh 10 tahun telah dirangka di dalam kajian ini di mana ia melibatkan pembangunan taman-taman awam, kawasan rekreasi, kawasan sumber landskap semula jadi, landskap budaya, bandar dan pekan di jajahan Pasir Mas.

Perancangan yang komprehensif dapat meningkatkan kualiti persekitaran jajahan Pasir Mas dalam menyediakan pembangunan fizikal yang seimbang. Perancangan ini melibatkan usaha pembangunan landskap yang mengetengahkan keunikan sumber semula jadi jajahan Pasir Mas yang akan digunakan secara efektif kelak. Kajian ini juga diharapkan akan menjadi panduan penting oleh semua pihak bukan sahaja kepada Majlis Daerah Pasir Mas, malahan kepada agensi pelaksana yang lain seperti perunding landskap, pemaju, badan bukan kerajaan, orang awam dan pelancong dalam usaha untuk meningkatkan imej yang lebih menarik, berintegrasi, islamik dan berteraskan kemurnian ilmu pengetahuan.

Akhir kata, saya percaya bahawa hasil kajian ini amat bermanfaat kepada semua pihak khususnya kepada penduduk jajahan Pasir Mas dalam memajukan lagi pembangunan landskap semasa jajahan Pasir Mas ke arah menjadikan **Pasir Mas : Bandar Warisan Ilmu**. Semoga pembangunan landskap di jajahan ini akan lebih beridentiti dan berimejkan keunikan serta keistimewaan jajahan Pasir Mas. Kepada semua pihak yang menjalankan kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

A stylized, handwritten signature in black ink, consisting of several sweeping, connected strokes.

ESA BIN HJ. AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara